

17 JUN 2000
Ling-Selesai
PERSELISIHAN LING-LIM SELESAI

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek telah menyelesaikan perselisihan mereka selepas mencapai persefahaman mengenai perkara-perkara yang menimbulkan percanggahan.

"Keadaan telah reda dan ia akan mengambil masa yang singkat untuk kembali seperti biasa.

"Tiada perselisihan, semuanya telah selesai dan episod itu dianggap sudah ditutup," kata beliau kepada pemberita selepas Perhimpunan Agung MCA ke-47 di sini.

Ketika diminta menjelaskan sebab-sebab bagi perselisihan itu, Dr Ling berkata: "Perkara antara dua orang tidak harus dibincangkan."

"Kami mahu membuka jalan (menyelesaikan) masalah pengganti apabila ia perlu dan akhirnya membuat keputusan siapa yang akan menjawat jawatan itu. Siapa yang akan menentukannya ialah hak perwakilan keena keputusna mereka muktamad," kata beliau.

Lim, yang turut hadir pada persidangan media itu, berkata beliau berpuas hati dengan penyelesaian itu.

"Kami bersetuju bahawa perkara yang menyentuh penggantian kepimpinan parti harus diputuskan oleh para perwakilan," kata beliau.

Dr Ling berkata jika ada pihak yang membuat keputusan, ia cuma sementara kerana badan muktamad ialah Perhimpunan Agung.

Beliau berkata para pemimpin MCA tidak harus mempersendakan hak para perwakilan perhimpunan.

Ketika ditanya berapa lama mereka mengambil masa untuk mencapai persefahaman, beliau berkata: "Kira-kira lima, 10 minit."

Beliau berkata pujian harus diberikan kepada anggota parti yang lebih mengutamakan perpaduan, rakan-rakan dan keluarga yang memungkinkan penyelesaian itu.

Mengenai sama ada MCA akan meminta jawatan tambahan dalam Kabinet memandangkan perselisihan itu telah selesai sekarang, Dr Ling berkata ini sesuatu yang tidak memungkinkan.

"Saya percaya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi penjelasan mengenai "equilibrium" yang menstabilkan pembahagian kerusi kabinet dikalangan parti-parti komponen BN. Kita tak akan membuat perubahan kerana ia boleh upset the equilibrium," he added.

Mengenai perhimpunan agung parti, Dr Ling berkata beliau menganggap perhimpunan itu berjaya dan mesej yang jelas daripada perwakilan ialah mereka tidak ingin melihat perpecahan dalam parti seperti yang berlaku pada tahun 1980an.

"Mesej yang disampaikan oleh perwakilan amat jelas dan kuat dan saya percaya jawatankuasa pusat MCA akan mengambil berat terhadap mesej itu dan kita akan mengambil langkah mengelak sesuatu yang tidak diinginkan berlaku," katanya.

Katanya, perpecahan pada tahun 1980-an itu telah mengakibatkan pengundi tidak percaya lagi terhadap MCA dan kesannya parti berkenaan hanya memperolehi 22 peratus undi masyarakat Cina pada pilihan raya yang diadakan pada tahun berikutnya.

-- BERNAMA
ARA FAZ